

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2006

**PEMBATALAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2006
SKIM PERKHIDMATAN PENSYARAH UDM BAGI
UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan membatalkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2006 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2006.

PELAKSANAAN

2. Kerajaan telah memutuskan supaya tenaga pengajar Universiti Darul Iman Malaysia menggunakan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti Gred DS45, DS51/52, DS53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2007**.

3. Selaras dengan keputusan tersebut, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2006 adalah dibatalkan. Turut dibatalkan ialah skim perkhidmatan Pensyarah KUSZA yang berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002

kecuali Jadual Gaji Matriks yang berkaitan bagi menampung Pensyarah KUSZA yang belum memenuhi syarat skim perkhidmatan Pensyarah Universiti. Garis Panduan Urusan Pertukaran Pelantikan Pensyarah KUSZA Ke Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti di Universiti Darul Iman Malaysia adalah seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2006.


TARIKH KUAT KUASA

4. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

5. Pekeliling Perkhidmatan ini hanya terpakai untuk Universiti Darul Iman Malaysia sahaja.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

14 Disember 2006

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu